

**D.R. /2017**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2017.

**Pindaan seksyen 4**

**2.** Akta Saraan Hakim 1971 [*Akta 45*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 4—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

“(2) Bagi maksud menghitung pencen seseorang Hakim, tempoh perkhidmatan seseorang Hakim dalam suatu jawatan yang lain di bawah seksyen 8c hendaklah dihitung sebagai tempoh perkhidmatan sebagai Hakim.”.

**Pindaan seksyen 5**

3. Seksyen 5 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika seseorang Hakim telah, sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah perenggan 8c(1)(b), melepaskan jawatannya untuk berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain selama apa-apa tempoh demi kepentingan negara dan selepas menamatkan tempoh perkhidmatannya dalam jawatan yang lain itu—

- (a) dilantik semula serta-merta untuk memegang jawatan Hakim, tempoh perkhidmatannya sebagai Hakim sebelum, dan tempoh dia berkhidmat dalam jawatan yang lain itu selepas, dia melepaskan jawatannya sebagai Hakim hendaklah dihitug sebagai tempoh perkhidmatan sebagai Hakim; atau
- (b) tidak dilantik semula untuk memegang jawatan Hakim oleh sebab dia telah mencapai umur persaraannya menurut subseksyen 8c(3), tempoh perkhidmatannya sebagai Hakim sebelum, dan tempoh dia berkhidmat dalam jawatan yang lain itu sehingga dia mencapai umur persaraannya selepas, dia melepaskan jawatannya sebagai Hakim hendaklah dihitug sebagai tempoh perkhidmatan sebagai Hakim.”.

**Pindaan seksyen 8**

4. Seksyen 8 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) meletakkan jawatan Hakim selepas dia memegang jawatan Hakim selama tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun, termasuk tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sebaik sebelum pelantikannya sebagai seorang Hakim; atau”.

### **Penggantian seksyen 8c**

5. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 8c dengan seksyen yang berikut:

**“Perkhidmatan dalam jawatan yang lain demi kepentingan negara**

8c. (1) Seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi boleh dikehendaki oleh Yang di-Pertuan Agong demi kepentingan negara untuk—

- (a) berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain tanpa melepaskan jawatannya sebagai Hakim; atau
- (b) melepaskan jawatan Hakim untuk berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain,

selama apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika seseorang Hakim dikehendaki untuk berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain demi kepentingan negara, saraan yang Hakim itu adalah berhak kepadanya di bawah Akta ini dalam tempoh dia berkhidmat dalam jawatan yang lain itu hendaklah dibayar oleh badan yang Hakim itu berkhidmat dalam jawatan yang lain itu.

(3) Jika Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi dikehendaki untuk melepaskan jawatan Hakim untuk berkhidmat dalam jawatan yang lain di bawah perenggan (1)(b) dan selepas menamatkan tempoh perkhidmatannya dalam jawatan yang lain itu, tidak dilantik semula untuk memegang jawatan Hakim oleh sebab dia telah mencapai umur persaraannya, dia hendaklah disifatkan telah berkhidmat sebagai Hakim sehingga umur enam puluh enam tahun dan bersara menurut perenggan 8(a).”.

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 (“Akta 45”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 45 untuk memperuntukkan bahawa tempoh seseorang Hakim berkhidmat dalam jawatan yang lain di bawah seksyen 8c hendaklah dihitung sebagai tempoh perkhidmatan sebagai Hakim bagi maksud menghitung pencen Hakim.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 5(2) Akta 45 yang berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 8c.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda perenggan 8(c) Akta 45 untuk membolehkan seseorang Hakim meletakkan jawatannya pada apa-apa umur tanpa kehilangan hak pencennya dengan syarat bahawa dia telah memegang jawatan Hakim selama tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun. Pindaan itu selanjutnya untuk bertujuan menjelaskan bahawa tempoh perkhidmatan berterusan tidak kurang daripada lima tahun adalah termasuk tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sebaik sebelum pelantikannya sebagai seorang Hakim.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk menggantikan seksyen 8c Akta 45 untuk meluaskan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk menghendaki seseorang Hakim berkhidmat dalam jawatan yang lain pada apa-apa umur sama ada tanpa melepaskan jawatannya sebagai Hakim atau dengan melepaskan jawatannya sebagai Hakim. Dalam hal keadaan jika seseorang Hakim dikehendaki untuk berkhidmat dalam jawatan yang lain demi kepentingan negara, saraan yang Hakim itu adalah berhak kepadanya di bawah Akta ini dalam tempoh dia berkhidmat dalam jawatan yang lain itu hendaklah dibayar oleh badan yang Hakim itu berkhidmat dalam jawatan yang lain itu. Sekiranya dia dikehendaki untuk melepaskan jawatannya sebagai Hakim dan tidak dilantik semula sebagai Hakim, dia hendaklah disifatkan telah berkhidmat sebagai Hakim sehingga umur enam puluh enam tahun dan bersara menurut perenggan 8(a) Akta 45.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3035]